

KEMAHIRAN MENGENDALIKAN PAKET PERAKAUNAN UNIVERSAL  
BUSINESS SOFTWARE (UBS) DI KALANGAN PELAJAR  
TAHUN AKHIR DIPLOMA AKAUNTANSI :  
SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK KOTA BHARU, KELANTAN

SYUHAIKHAH DINTI GHANI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071102 2

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: KEMAHIRAN MENGENDALIKAN PAKEJ PERAKAUNAN UNIVERSAL  
BUSINESS SOFTWARE (UBS) DI KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR  
DIPLOMA AKAUNTANSI: SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK KOTA  
BHARU, KELANTAN

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya SYUHAIRAH BINTI GHANI (NO. K/P: 800111-11-5288)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. \*\*Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
B 788, KG GONG KIJANG,  
BUKIT TUNGGAL,  
21200 K TERENGGANU.


PN. HAJAH SAREBAH BT WARMAN  
Nama Penyelia

Tarikh: 9 SEPTEMBER 2003

Tarikh: 9 SEPTEMBER 2003

- CATATAN:
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya/~~Kami~~\* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/~~kami~~\* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : ..........  
Nama Penyelia : PN. HAJAH SAREBAH BT WARMAN  
Tarikh : 9 SEPTEMBER 2003

\* *Potong yang tidak berkenaan.*

**KEMAHIRAN MENGENDALIKAN PAKEJ PERAKAUNAN UNIVERSAL  
BUSINESS SOFTWARE (UBS) DI KALANGAN PELAJAR  
TAHUN AKHIR DIPLOMA AKAUNTANSI:  
SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK KOTA BHARU, KELANTAN**


**SYUHAIRAH BINTI GHANI**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
Sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**SEPTEMBER, 2003**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : SYUHAIKRAH BINTI GHANI

Tarikh : 9 SEPTEMBER 2003

## DEDIKASI

### BUAT AYAHANDA DAN BONDA TERCINTA

Ghani Mahamud dan Fatimah Musa

*"Doa dan berkat kalian berdua sentiasa mengiringi dan merestui kejayaan anakanda"*

### BUAT KEKANDA DAN ADINDA YANG DIKASIHI

Rasifah, Azrul, Nurul, Akmar, Bahiah, Faiz, Faezah, Fawwaz, Shukri dan Hikmah

*"Ikatan kekeluargaan dan kasih sayang antara kita amat berharga"*

### BUAT TUNANG TERSAYANG

Rohamidi Ahamad

*"Semangat dan doronganmu pencetus inspirasiku"*

### BUAT PEMBIMBING YANG SENTIASA DIKENANG

Puan Hajah Sarebah Warman

*"Jasa dan budi baikmu akan terus ku kenang dan menjadi memori indah bersama"*

### BUAT RAKAN-RAKAN YANG ISTIMEWA

Shiela, Gee, Milly, Yatie, Mis, Rinie dan Anoi

*"Terima kasih kerana memahami serta sentiasa memberi sokongan dan dorongan.*

*Kehadiran kalian amat bererti dalam hidup ini"*

## PENGHARGAAN

*“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kajian ini dapat disempurnakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Sesungguhnya segala cabaran yang dihadapi sepanjang menyiapkan proposal, mengutip data sehingga menyediakan laporan akhrit merupakan satu pengalaman yang amat berharga dan tinggi nilainya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kalungkan buat **Puan Hajah Sarebah bt Warman** selaku pembimbing dan penyelia kajian ini atas bimbingan, nasihat, dorongan dan ilmu pengetahuan yang dicurahkan tanpa rasa jemu.

Ucapan jutaan terima kasih juga dikalungkan buat **Dr. Noraini Kaprawi** dan **Tn. Hj. Kamaruddin Khalid** selaku penilai yang turut memberi banyak nasihat, teguran serta bimbingan yang berguna dalam usaha menjadikan kajian ini satu realiti.

Penghargaan ini juga diberikan istimewa buat **En. Shahrul Nizam Mohamed**, pensyarah UBS di POLISAS dan juga **En. Ulaimi Yahya**, pensyarah UBS di PKB serta pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi di POLIKB di atas segala kerjasama dan maklumat yang diberikan dalam membantu menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih buat pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di atas segala sokongan, dorongan dan bantuan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Semoga Allah SWT membalas budi baik kalian dan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak yang memerlukan, InsyaAllah.

**WASSALAM**



## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui kemahiran pengendalian pakej perakaunan *Universal Business Software* (UBS) di kalangan pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Empat aspek yang dikaji ialah kemahiran asas komputer, kemahiran mengendalikan pakej perakaunan UBS, masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam meningkatkan kemahiran mengendalikan komputer dan pakej perakaunan UBS dan pendapat pelajar selepas menjalani latihan industri. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan bersampel. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi Politeknik Kota Bharu. Data dikumpul melalui kaedah soal selidik dan dianalisis berdasarkan taburan kekerapan, peratusan dan skor min dengan menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS ver. 11)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai kemahiran asas dalam mengendalikan dan menggunakan komputer, tahap kemahiran mengendalikan pakej perakaunan UBS di kalangan pelajar tahun Diploma Akauntansi Politeknik Kota Bharu, Kelantan adalah sederhana atau kurang mahir (min skor 2.79), pelajar-pelajar menghadapi masalah berkaitan dengan kemudahan yang menyebabkan mereka kurang mahir dan kebanyakan pelajar dapat mempraktikkan kemahiran mengendalikan komputer dan pakej perakaunan ketika menjalani latihan industri. Beberapa cadangan seperti pihak politeknik perlu menambah kemudahan komputer kepada pelajar, para pensyarah digalakkan mengikuti kursus pengendalian pakej UBS dan pelajar perlu menghadiri seminar atau bengkel kecemerlangan telah dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar sebelum mereka memasuki ke alam pekerjaan.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to reveal the skill of operating computer and Universal Business Software (UBS) among final year student in Diploma of Accountancy, Polytechnic Kota Bharu, Kelantan. This research cover four aspect which are the basic skill of computer usage, the skill of UBS Software usage, the problem that students had found in increasing their skill and students' opinion after they finish their practicum. The design of this research is descriptive and uses a sampling survey method. The sample of this research exists of 60 students from final years student in Diploma of Accountancy, Polytechnic Kota Bharu, Kelantan. The data were collected through questionnaire and analyzed based on the frequency distribution, percentage and mean score, using *Statistical Package of Social Science (SPSS ver. 11)*. The findings of this research showed that all of the students have a basic in computer usage, the skill level of UBS Software usage among the students could be categorized as moderate (mean score 2.79), the problem faced by student is computer facility and the study found that the majority of students could practice their skill in industrial training. The researcher makes several suggestions to the related party for consideration toward upgrading the students' skill such as the polytechnic should add the computer facility to their student and lecturers and students should attend the seminar to improve their UBS Software usage.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
	SENARAI RINGKASAN	xvi

## BAHAGIAN SATU

<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Soalan Kajian	7
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Kerangka Kajian	10
	1.7.1 Huraian Kerangka Kajian	13
	1.8 Definisi Istilah	14

## BAHAGIAN DUA

### BAB 2      SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Perkomputeran Dalam Pendidikan	17
2.3	Penggunaan Komputer Dalam Perakaunan	19
2.4	Pakej Perakaunan Berkomputer	20
2.5	Pakej Perakaunan UBS	22
2.6	Pengajaran Dan Pembelajaran Pakej Perakaunan UBS Di Politeknik	23
2.7	Kemahiran Yang Perlu Ada Bagi Seorang Graduan	24
2.8	Kemahiran Yang Perlu Ada Untuk Mengendalikan Perisian Perakaunan	27
2.9	Kepentingan Kemahiran Komputer Kepada Pelajar Perakaunan	29
2.9	Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Perakaunan Dalam Meningkatkan kemahiran Komputer	30
2.10	Rumusan Sorotan	31

## BAHAGIAN TIGA

### BAB 3      METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Rekabentuk Kajian	34
3.2	Sampel Kajian	35
3.3	Sumber Data	36
3.4	Prosedur Kajian	37
3.5	Pengumpulan Data	38
3.6	Instrumen Kajian	38

3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	43
3.8	Kajian Rintis	44
3.9	Analisis data	45
3.10	Andaian-Andaian Metodologi	47

## **BAHAGIAN EMPAT**

### **BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	48
4.2	Analisis Data Berdasarkan Borang Soal Selidik	50
4.2.1	Analisis Data Bahagian A	50
4.2.1.1	Jantina	50
4.2.1.2	Bangsa	51
4.2.1.3	Umur	52
4.2.1.4	Semester Pengajian	52
4.2.1.5	CGPA	53
4.2.2	Analisis Data Bahagian B	53
4.2.3	Analisis Data Bahagian C	55
4.2.4	Analisis Data bahagian D	62
4.2.5	Analisis Data Bahagian E	64

## **BAHAGIAN LIMA**

### **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	70



5.2.1	Kemahiran Aplikasi komputer	70
5.2.2	Kemahiran Mengendalikan Pakej Perakaunan UBS	72
5.2.3	Masalah Pengendalian Program Yang Dihadapi Oleh Pelajar Perakaunan	73
5.2.4	Pendapat Pelajar Selepas Menjalani Latihan Industri	75
5.3	Kesimpulan	78
5.4	Cadangan	80
5.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	80
5.4.2	Politeknik Kota Bharu, Kelantan	80
5.4.3	Pensyarah	81
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	82
5.6	Penutup	83
<b>RUJUKAN</b>		84
<b>LAMPIRAN A</b>		88
<b>LAMPIRAN B</b>		91
<b>LAMPIRAN C</b>		101
<b>LAMPIRAN D</b>		103
<b>LAMPIRAN E</b>		104
<b>LAMPIRAN F</b>		105
<b>LAMPIRAN G</b>		106
<b>LAMPIRAN H</b>		107
<b>LAMPIRAN I</b>		108
<b>LAMPIRAN J</b>		109
<b>LAMPIRAN K</b>		110
<b>LAMPIRAN L</b>		111

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis-Jenis Literasi Komputer Yang Diperlukan Oleh Industri	30
3.1	Pembahagian Item Bagi Bahagian C	40
3.2	Spesifikasi Skala Likert Bahagian C	41
3.3	Pembahagian Item Soalan Bagi Bahagian D	42
3.4	Spesifikasi Skala Likert	42
3.5	Hasil Kajian Rintis	45
3.6	Skala Skor Min Untuk Bahagian C dan D	47
4.1	Taburan Respondan Mengikut Jantina	51
4.2	Taburan Respondan Mengikut Bangsa	51
4.3	Pecahan Respondan Mengikut Umur	52
4.4	Taburan Respondan Mengikut CGPA	53
4.5	Peratusan Kemahiran Asas Penggunaan Komputer Yang dikuasai Pelajar	54

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.6	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej UBS (Bahagian Sistem Lejer Am)	57
4.7	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej UBS (Bahagian Sistem Akaun Belum Terima)	58
4.8	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej UBS (Bahagian Sistem Akaun Belum Bayar)	59
4.9	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej UBS (Bahagian Gabungan Ketiga-Tiga Sistem Perakaunan)	60
4.10	Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Perakaunan dalam Meningkatkan Kemahiran Komputer	63
4.11	Cara Perekodan Sistem Kewangan Di Tempat Respondan Menjalani Latihan Industri	65
4.12	Jenis-Jenis Pakej Perakaunan Yang Digunakan Di Tempat Respondan Menjalani Latihan Industri	66
4.13	Peratusan pendapat Pelajar Selepas Menjalani Latihan Industri	67

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Sistem Transformasi Input-Output	11
1.2	Kerangka Kajian	12
3.1	Prosedur Kajian	37

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Temubual	88
B	Borang Soal Selidik	91
C	Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bahagian C: Sistem Lejer Am	101
D	Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bahagian C: Sistem Akaun Belum Terima	103
E	Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bahagian C: Sistem Akaun Belum Bayar	104
F	Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bahagian C: Gabungan Ketiga-tiga sistem	105
G	Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Bahagian D	106
H	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej Perakaunan UBS (Bahagian Sistem Lejer Am)	107



LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
I	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej Perakaunan UBS (Bahagian Sistem Akaun Belum Terima)	108
J	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej Perakaunan UBS (Bahagian Sistem Akaun Belum Bayar)	109
K	Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Pelajar Mengendalikan Pakej Perakaunan UBS (Bahagian Gabungan Ketiga-Tiga Sistem Perakaunan)	110
L	Analisis Skor Min Bagi Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Perakaunan Dalam Meningkatkan Kemahiran	111

**SENARAI RINGKASAN**

UBS	: <i>Universal Business Software</i>
MYOB	: <i>Mind Our Own Business</i>
ACCPAC	: <i>Accounting Package</i>
PKB	: Politeknik Kota Bharu, Kelantan
POLISAS	: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan
CGPA	: Purata Mata Gred Terkumpul

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Penciptaan teknologi canggih dan penggunaannya seakan sudah sehati di dalam kehidupan kita seharian. Apabila disebut perkataan teknologi, sudah pasti ramai orang akan membayangkan ianya adalah suatu peralatan atau mesin yang direka cipta yang dikaitkan dengan elektronik seperti komputer, televisyen, perakam video, radio, pemain cakera padat, mesin-mesin kejuruteraan, perkakas elektrik dan elektronik. Namun, di antara peralatan tersebut, komputer merupakan jawapan yang paling kerap dikaitkan dengan teknologi moden ini kerana sistem yang terkandung di dalam peralatan ini amat canggih dan telah direka cipta dengan penuh sistematik (Yusup, 1998).

Penggunaan komputer digunakan secara meluas meliputi semua bidang seperti perniagaan, perakaunan, pendidikan, kejuruteraan, penyelidikan, perbankan, perindustrian, pengangkutan, perhotelan, pertanian dan perladangan malahan ada sesetengah bidang yang bergantung seratus peratus (100%) dengan pengaplikasian

komputer ini contohnya sistem pengangkutan komuter dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR).

Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan juga sudah menjadi satu kemestian pada zaman sekarang dan ianya telah dimasukkan di dalam sebahagian kurikulum pendidikan. Selaras dengan itu, pihak Politeknik-Politeknik di Malaysia telah menawarkan beberapa kursus dalam bidang perakaunan dan juga pengurusan yang mengaplikasikan penggunaan komputer. Kursus-kursus ini ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang komputer dan juga pakej perakaunan kepada pelajar. Menurut Wan Maimunah (2001), antara kursus-kursus yang telah dimasukkan di dalam program pengajian Diploma Akauntansi di Politeknik-Politeknik Malaysia ialah Pengenalan Komputer (P 104), Pengurusan Data Berkomputer (P 204) dan Sistem Perakaunan Berkomputer (P301).

Program Diploma Akauntansi di Politeknik Kota Bharu (PKB) merupakan pengajian sepenuh masa selama tiga tahun pengajian atau enam semester. Kursus perakaunan yang ditawarkan akan memberikan kemahiran berkenaan perancangan, pengawalan, perekodan, pelaporan dan membuat penilaian terhadap struktur kewangan sesebuah organisasi. Di samping itu, para pelajar juga akan didedahkan dengan pengauditan, percukaian, pengurusan kewangan, implikasi undang-undang perniagaan dan pengawalan terhadap akaun, pengkosan serta belanjawan. Bagi menambahkan lagi kemahiran yang ada, para pelajar juga akan dilengkapi dengan kemahiran komputer khususnya pakej-pakej perakaunan yang terkini (Politeknik Kota Bharu, 2003).

Di dalam bidang perakaunan dan perniagaan, komputer dianggap sebahagian di dalam nadi kehidupan mereka. Segala urusan yang melibatkan perakaunan dan kewangan dan juga pengurusan perniagaan telah menggunakan komputer sebagai alat

untuk mempercepat tugas-tugas mereka. Terdapat juga pakej perakaunan berkomputer yang ditawarkan di pasaran untuk memudahkan kerja-kerja perakaunan. Contohnya *Accounting Package (ACCPAC)*, *Accounting Plus*, *Mind Your Own Business (MYOB)* dan *Universal Business Software (UBS)*.

Selain memberi kesan yang positif kepada pihak pengurusan sesebuah organisasi, pengetahuan mengenai kegunaan dan bagaimana mengendalikan pakej perakaunan tersebut turut melibatkan pelajar-pelajar di dalam jurusan perakaunan di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta termasuklah Politeknik Malaysia. Pelajar dalam jurusan ini akan menjadi pengguna masa depan, juruaudit, pengurus dan mungkin juga pereka bentuk sistem maklumat berasaskan komputer. Oleh itu, mereka perlu mempunyai kemahiran-kemahiran asas tentang pengendalian komputer dan pakej perakaunan yang digunakan di dalam industri bagi memastikan mereka berjaya di dalam kerjaya masing-masing kelak (Noor Azizi, 1998).

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Menurut Prewitt dalam Suhaila (2001), penggunaan komputer kini telah digunakan secara meluas untuk melaksanakan tugas-tugas perakaunan. Penggunaan pakej perakaunan berkomputer telah memudahkan transaksi perakaunan dibuat dengan lebih teratur dan lebih kemas. Ini kerana syarikat tersebut hanya perlu memasukkan data-data sahaja. Semua pengiraan dan pindahan akan dilakukan oleh komputer. Berbanding dengan sistem manual, kerja-kerja merekod, pengkelasan, pindahan ke lejar dan sebagainya akan dibuat dan dikira secara manual. Ini akan melambatkan proses penyediaan penyata kewangan. Selain daripada itu, ia dapat mengurangkan kos pekerja kerana pihak syarikat tidak memerlukan pekerja yang ramai untuk membuat kerja-kerja



perekodan dan pengiraan perakaunan. Segala tugas-tugas ini telah diambilalih oleh program komputer tersebut. Pakej perakaunan juga membantu para akauntan syarikat dalam penyediaan penyata kewangan, pengurusan data-data pekerja seperti pengurusan gaji, pertukaran matawang asing dan pengawalan stok.

Sesetengah syarikat yang telah mempraktikkan penggunaan komputer ini beranggapan bahawa penggunaannya amat penting dan ia memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan di dalam bidang ini. Tenaga mahir yang diperlukan ini sudah pasti mereka yang bergelar graduan. Di sini kita dapat lihat bahawa institut pengajian memainkan peranan untuk menghasilkan bakal graduan yang dapat memenuhi kehendak pasaran kerja di mana mereka perlu mahir, berpengetahuan dan profesional di dalam bidang mereka.

Pihak politeknik perlu memainkan peranan untuk melahirkan bakal pekerja yang mahir dan separuh mahir sepertimana yang dikehendaki oleh pihak industri. Selaras dengan itu, pihak pengurusan akademik Politeknik-Politeknik Malaysia telah menetapkan bahawa setiap pelajar yang mengikuti Program Diploma Akauntansi di Politeknik perlu mengambil subjek yang berbentuk kemahiran perakaunan berkomputer iaitu pakej perakaunan berkomputer. Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan pengetahuan, konsep dan kemahiran mengendalikan pakej perakaunan yang biasanya digunakan oleh pihak industri.

Contohnya di Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Politeknik Sultan Ahmad Shah Kuantan (POLISAS), setiap pelajar Diploma Akauntansi dan Sijil Penyimpanan Kira perlu mengambil subjek pakej perakaunan berkomputer sebagai memenuhi matlamat politeknik untuk melahirkan bakal-bakal akauntan yang celik aplikasi komputer. Pihak Kementerian Pendidikan tidak mewajibkan sesuatu pakej tertentu untuk diajar kepada pelajar kerana ianya bergantung kepada politeknik itu sendiri dan juga bergantung kepada